

TWEEK STORY

Bulletin of School of Information Science
UiTM Sarawak



SEOLAI DAN SEJALAI Y

PERJUMPAAN
BERSAMA
PENOLONG NAIB
CANSELOR

**BERINDOK & BERKONGSI
KASIH SAYANG**
bersama **PERYATIM**

**Breaking Fast with
Mentees**

Making Memories during
Buka Puasa

Webinar
Cyber Security Trends
May Resilience Be with You

Halatunju

**PUSAT PENGAJIAN SAINS MAKLUMAT
KE ARAH GLOBAL RENOWNED UNIVERSITY (GRU)
2025**



ADVISOR'S MESSAGE

Assalamualaikum w.b.t and greetings.

Alhamdulillah to Allah SWT, with His grace and love, the School of Information Science has successfully realized the dream of publishing the Bulletin of School of Information Science UiTM Sarawak (One Week One Story). I want to express my deepest appreciation to all the lecturers of the School of Information Science involved, especially to the Editor-in-Chief, Miss Suhaida Halamy, and the One Week One Story team.

This bulletin is a success as a result of the cooperation of all parties in contributing information, success stories, and involvement in all activities involving the School of Information Science and UiTM Sarawak, not only at the study center level but also at a higher level, nationally and internationally.

The main objective of this One Week One Story publication is to channel information to the activities related to the study center implemented every week throughout the semester. Apart from that, another objective is to encourage creative writing among lecturers to achieve the KPI of the faculty and UiTM.

This One Week One Story will be a continuous activity from the School of Information Science in achieving the target of publishing all shared information every semester.

The publication of One Week One Story will foster higher excitement and seriousness among all School of Information Science lecturers to write and make publications in the future.

Once again, I would like to express my most profound appreciation and CONGRATULATIONS to all the lecturers involved in making the publication of the inaugural Edition of "One Week One Story" a success. Hopefully, the School of Information Science will continue to maintain this excellence.

Thank you.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabaraktuh.



Hajah Dayangku Ruhayah Hj Awang Bolhan
Head Centre of Studies
Faculty of Accountancy and Information Science

EDITOR'S NOTE

In the name of Allah, the Most Gracious and Most Merciful.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh...

Alhamdulillah, with the grace of Allah, the first edition of the Bulletin of the School of Information Science UiTM Sarawak One Week One Story was successfully published. How are you all readers? I hope everyone is healthy. Welcome, and thank you to our readers for reading our bulletin.

Thank you to the authors who contributed 19 articles to this inaugural edition. In this issue, readers served writing in Bahasa Malaysia and English about activities and programs involving lecturers and students on and off campus throughout the semester from March 2023 until Oct 2023. I hope the writing in this edition can provide inspiration and aspirations to implement more beneficial activities and programs in the future.

For this inaugural edition, the contribution of writing is among the lecturers only. Inshallah, in future editions, we will encourage the contribution of writing among the School of Information Science UiTM Sarawak students to bring out their talent and creativity in the writing field.

The cooperation and commitment given among the One Week One Story team is extraordinary, and the encouragement from the Head of the Study Center is always cohesive. Thank you all!

Finally, happy reading to all, and we look forward to your continued support and article contributions in future editions.

Thank you.



Suhaida Halamy
Chief Editor

The Team

Advisor

Pn Hajah Dayangku Ruhayah
Awang Bolhan

Editorial Committee

Suhaida Halamy
Dr. Hajah Imilia Ibrahim
Norlida Ismailly
Ts. Dr. Mohd Rafiz Salji
Ts. Abdul Ismail Hj. Mohd Jawi
Nurul Huda Izzati Jamil
Sabariah Abdul Samad
Sharin Sulaiman
Favilla Zaini


Design Committee

Nurfaizah Kamarudin
Nor Hayati Kassim

Production Committee



Suriani Jack
Zainon Haji Bibi

School of Information Science
College of Computing, Informatics
and Mathematics
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Sarawak
Kampus Samarahan

 School of Information Science - Uitm Sarawak

Published by

Perpustakaan Tun Abdul Razak
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Sarawak
Jalan Meranek
94300 Kota Samarahan
Sarawak

 ptarsarawak@uitm.edu.my
 082-678149

The bulletin is a biannual publication
of the School of Information Science's
activities.

eISSN 3030-5578

2023

CONTENTS

ADVISOR'S MESSAGE

EDITOR'S NOTE

1 Segulai dan Sejalai: Perjumpaan Bersama Penolong Naib Canselor

5 Turut Serta Pensyarah UiTM Sarawak dalam Bengkel Pemantapan dan Pemurnian Silibus Pengajaran Diploma Pengurusan Maklumat (IM110) di UiTM Kampus Machang, Kelantan

8 Enriching experience: CDIM110's Training of Trainers at UiTM Kedah



11 Social Media Awareness Talk

14 Penyertaan Pelajar Pusat Pengajian Sains Maklumat, UiTM Cawangan Sarawak Sepanjang Program Kembara Ilmu Anjuran Kementerian Perpaduan Negara dan Perpustakaan Negara Malaysia

3 Halatuju Pusat Pengajian Sains Maklumat Ke Arah Global Renowned University 2025: Retreat Perancangan Strategik PPSM



9 Penglibatan Pensyarah Pusat Pengajian Sains Maklumat Dalam Bengkel Pemurnian Penulisan dan Ulasan Buku Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Tahun UiTM Cawangan Sarawak

13 Bengkel Pemurnian Dokumen IQA01 Ke - 2 Program Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod (CDIM261)



15 Berindok & Berkongsi Kasih Sayang Bersama Peryatim




22 Taklimat Latihan Industri: Bersedialah kita?

23 Bengkel Persediaan Peperiksaan Akhir PPSM, UiTM Cawangan Sarawak



27 Collaborative Teaching Introduction to Information Skills (IMC111)



31 Breaking Fast With Mentee: Making Memories during Buka Puasa

17 Friend of Archive (FOA): "Archives United" Sambutan Minggu Arkib Sedunia 2023

19 Talk & Tour Record to Archive: IMD313 Academic Visit to State Record Repository Pustaka Negeri Sarawak



24 Bengkel Pengkatalogan: Teknik Perkodan Bahan Maklumat

25 Collaborative Teaching IMR652: Sharing session featuring Sarawak Energy Berhad



28 Online Webinar: How to Build A PC

29 Cybersecurity Trends: May Resilience Be With You

ONE WEEK

ONE STORY

Segulai dan Sejalai :

WARGA AKADEMIK DARI PENGAJIAN SAINS KOMPUTER, SAINS MAKLUMAT DAN SAINS MATEMATIK MENGHADIRI PERJUMPAAN BERSAMA PENOLONG NAIB CANSOLOR, KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK DAN MATEMATIK (KPPIM)



Penulis: Sharin Sulaiman

Penulis: Sharin Sulaiman

1 Ogos 2023 (Selasa) merupakan detik bersejarah apabila buat pertama kalinya semua pensyarah dari ketiga – tiga bidang yang berbeza iaitu Sains Komputer, Sains Maklumat dan Sains Matematik duduk bersama di dalam satu perjumpaan bagi meraikan lawatan daripada Yang Berbahagia Profesor Dr Haryani binti Haron, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik UiTM Selangor Shah Alam. Yang berbahagia Prof Dr Haryani ditemani oleh bak kata dirinya sendiri 3 hulubalang iaitu Ketua Pusat Pengajian yang mewakili tiga bidang utama iaitu Sains Komputer iaitu Dr Mohamad Yusof Bin Darus, Sains Maklumat, Dr Hussain Bin bin Hashim dan Sains Matematik, Prof Madya Dr Ahmad Zia Ul-Saufie Bin Mohamad Japeri.

Perjumpaan yang dijaualkan bermula pada pukul 2.00 petang dimulakan agak lewat kerana masing – masing menunggu ketibaan rombongan yang diketuai oleh Prof Dr Haryani. Seperti kebiasaannya, sementara menunggu, para pensyarah yang hadir mula berbual sesama sendiri dan ada juga yang sibuk menyemak kerja kursus pelajar masing – masing. Ketibaan rombongan datang tepat pukul 2.30 petang dan

semua pensyarah lantas berdiri menunjukkan rasa hormat kepada tetamu jemputan dan pengacara majlis iaitu Encik Abdul Hadi mula beraksi. Seperti biasa pada mana-mana majlis rasmi, lagu keramat UiTM Di Hatiku berkumandang di dalam Auditorium Fakulti Sains Gunaan, Blok G, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 2.

Setelah habis nyanyian lagu UiTM Di Hatiku, semua pensyarah dikehendaki untuk duduk dan pengacara majlis meneruskan acara dengan menjemput Encik Norizuandi untuk memimpin bacaan doa dan kemudian mempersilakan Dr Lee

Been Yong, Ketua Pusat Pengajian Sains Komputer dan Pelancongan yang turut mengalas amanah sebagai wakil Rektor UiTM Cawangan Sarawak, Prof Dr Haji Jamil Bin Haji Hamali untuk menyampaikan kata aluan kepada tetamu yang hadir. Majlis kemudian diteruskan dengan pengacara majlis menjemput Prof Dr Haryani untuk menyampaikan ucapan beliau. Sekilas pandang jika dilihat macam Prof Dr Haryani ini semacam seorang ibu yang tegas, namun sebenarnya beliau seorang yang mudah didekati dan mesra. Ucapan beliau dimulakan dengan beliau mengatakan sebenarnya beliau mengambil keputusan saat akhir dengan tidak menyertai rombongan rasmi ke kampus Mukah tetapi memilih untuk bersama-sama warga KPPIM di UiTM Sarawak, Kampus Samarahan. Katanya lagi, perjumpaan ini meski tidak lama namun amat bermakna untuk beliau berjumpa dengan keluarga KPPIM di Sarawak. Antara intipati ucapan yang lain ialah penerangan dengan idea penggabungan kolej, semangat kekeluargaan antara ketiga tiga bidang pengajian, hasil perjumpaan beliau dengan Kementerian Utiliti, Tenaga dan Komunikasi Sarawak dan persediaan mindset warga KPPIM dengan hasil penggabungan tiga bidang pengajian dan relevannya dengan keperluan semasa.

Selain itu, dalam ucapannya, beliau merasa yakin bahawa KPPIM, UiTM Cawangan Sarawak mampu menjadi sebuah kolej pengajian yang menjadi pemangkin penting untuk mempersiapkan siagakan Sarawak sebagai sebuah negeri berasaskan ekonomi digital dan untuk merealisasikan hasrat perlu lebih melihat kesan positif penyatuan ketiga-

tiga fakulti ini di masa hadapan. Setelah selesai berucap, beliau kembali semula ke tempat duduk dan setelah itu pengacara majlis kemudiannya menjemput Encik Satria Arjuna untuk memulakan sesi dialog bersama tetamu jemputan. En Satria terus membaca soalan daripada aplikasi Slido dimana aplikasi ini memudahkan proses sesi soal jawab.

Antara soalan yang diutarakan adalah bagaimana penggabungan ini dapat memberi manfaat kepada warga KPPIM dan ada juga pensyarah mencadangkan KPPIM pusat mengadakan satu perjumpaan dalam talian 2 atau 3 kali setahun melalui aplikasi seperti Webex dan youtube bersama seluruh warga KPPIM di seluruh Malaysia. Selain itu ketika soal jawab ini, ketua pusat pengajian Sains Komputer, Sains Maklumat dan Sains Matematik mengambil kesempatan memperkenalkan diri sendiri dan turut sama membalas setiap soalan yang diutarakan. Pendek kata, rata – rata warga akademik KPPIM, UiTM Cawangan Sarawak yang hadir menyambut baik idea penyatuan ketiga – tiga bidang pengajian ini dan berjanji agar Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik ini mampu menjadi pemangkin kepada UiTM secara keseluruhannya ke aras Globally Renowned University (GRU) menjelang tahun 2025.



Pensyarah dan Ketua Pusat Pengajian Sains Maklumat UiTM Sarawak bersama Ketua Pusat Pengajian Sains Maklumat KPPIM, Dr Hussain Bin Hashim.

Halatunju

PUSAT PENGAJIAN SAINS

MAKLUMAT

KE ARAH

GLOBAL RENOWNED UNIVERSITY

2025:

RETREAT

PERANCANGAN

STRATEGIK PPSM,

PENGAJIAN

PENKOMPUTERAN,

INFORMATIK DAN

MATEMATIK,

UITM CAWANGAN

SARAWAK

Penulis: Sharin Sulaiman

Pusat Pengajian Sains Maklumat (PPSM), Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Sarawak telah mengadakan satu bengkel retreat perancangan strategik yang diadakan pada 21 dan 22 Mac 2023 bertempat di Ruai Pengawa, UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan. Bengkel ini melibatkan seramai 14 orang pensyarah dan diketuai oleh Ketua Pusat Pengajian (KPP) Fakulti Perakaunan dan Sains Maklumat, Puan Hajah Dayangku Ruhayah binti Awang Bolhan.



Bengkel ini diadakan dengan objektif untuk merangka program dan aktiviti di peringkat pusat pengajian berdasarkan 4 area utama bagi mencapai hasrat UiTM sebagai Global Renowned University (GRU) menjelang tahun 2026 iaitu pelajar global, para pensyarah yang bertaraf antarabangsa, penglibatan bersama industri dan komuniti, dan penglibatan kerjasama dua hala dengan alumni.

Pada hari pertama, bengkel dimulakan dengan ucapan dan taklimat yang disampaikan oleh KPP

mesyuarat penstrukturan semula setiap portfolio wakil fakulti dan jawatankuasa dalaman pusat pengajian sains maklumat dan perincian tentang tanggungjawab yang perlu dimainkan oleh para pensyarah. Sesi petang dimulakan dengan perbincangan sesama pensyarah tentang kursus baharu dalam pelan pengajian CDIM110, persediaan dan penambahbaikan yang perlu dibuat agar kursus yang diadakan dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan memenuhi keperluan audit. Antara perkara lain yang diberi perhatian ialah aktiviti pemantapan akademik seperti klinik dan bengkel, serta penilaian kerja kursus pelajar.

Fakulti Perakaunan dan Sains Maklumat yang menyentuh tentang pentingnya pengurusan dan pentadbiran PPSM seperti kebajikan pelajar dan pensyarah, keberadaan pensyarah dan hala tuju. Kemudian, sesi diteruskan dengan taklimat kursus yang disampaikan oleh Dr Hajah Imilia binti Ibrahim yang menerangkan perubahan dan perkembangan terkini pelan pengajian baharu setelah beliau menghadiri bengkel semakan kurikulum di Pusat Utama. Sesi pagi diakhiri dengan

Pada hari kedua, sesi bengkel diteruskan dengan perbincangan tentang perincian bagi setiap program dan aktiviti yang dirancang akan datang. Setiap pensyarah telah diberikan tanggungjawab dan amanah masing-masing untuk mengemblem tenaga demi merealisasikan hasrat UiTM sebagai GRU menjelang tahun 2025.



Peserta bergambar bersama Prof Madya Dr. Mad Khir Johari Abdullah Sani (Timbalan Dekan Akademik Pusat Pengajian Sains Maklumat)

Penulis: Suhaida Halamy

Bengkel Pemantapan dan Pemurnian Silibus Pengajaran Diploma Pengurusan Maklumat (IM110) anjuran Pengurus Utama UiTM Cawangan Kelantan pada 6-7 Mac 2023 bertempat di HRD A, UiTM Kampus Machang. Bengkel yang dianjurkan oleh UiTM Cawangan Kelantan telah diadakan selama 2 hari ini adalah bagi mempersiapkan dan memurnikan pelan pengajian baharu yang akan dijalankan pada semester Mac 2023. Bengkel ini telah dihadiri oleh lebih 30 wakil pensyarah dari seluruh kampus cawangan dan juga turut dihadiri oleh 2 figura penting iaitu Prof Madya Dr. Mad Khir Johari Abdullah Sani (Timbalan Dekan Akademik Pusat Pengajian Sains Maklumat) dari UiTM Puncak Perdana dan Prof Madya Ts. Dr. Nasir Ismail (Timbalan Rektor Akademik UiTM Cawangan Kelantan).

Jemputan figura penting dari UiTM Puncak Perdana, Prof Madya Dr. Mad Khir Johari Abdullah Sani adalah bagi berkongsi dan menerangkan kandungan-kandungan silibus dan kerja kursus yang perlu di kemaskini oleh Resource Person di aplikasi AIMS. Informasi yang diberikan amat berguna tambahan pula pelan pengajian baharu program Diploma yang diperkenalkan bagi semester Mac 2023. Manakala Prof Madya Ts. Dr. Nasir Ismail selaku



Prof Madya Dr. Mad Khir Johari Abdullah Sani sedang memberikan taklimat

Timbalan Rektor Akademik UiTM Cawangan Kelantan yang juga merupakan pensyarah di Pusat Pengajian Sains Maklumat, berbesar hati memberikan ucapan alu-aluan dan seterusnya merasmikan bengkel yang diadakan.

Seramai lima wakil pensyarah daripada UiTM Kampus Samarahan, Cawangan Sarawak yang dijemput iaitu, Pn Norlida Ismailly, Dr. Hajah Imilia Ibrahim, Dr. Mohd Rafiz Salji, Cik Suhaida Halamy dan Pn Sabariah Abdul Samad. Beberapa kumpulan dibentuk mengikut bidang kepakaran masing-masing daripada wakil pensyarah seluruh kampus cawangan yang hadir. Sesi perbincangan diketuai oleh Resource Person (RP) bagi memantapkan kandungan silibus dan bahan pengajaran bagi setiap kod kursus. Bengkel ini telah berjalan dengan lancar selama 2 hari dan mendapat kerjasama yang baik dari semua wakil pensyarah yang hadir.

Pada hari pertama, usai sudah mengambil sarapan di dewan makan, kami pensyarah di bawa ke bilik HRD A bagi tujuan pendaftaran dan seterusnya sesi taklimat

TURUT SERTA
PENSYARAH
UiTM
SARAWAK
DALAM
BENGKEL
PEMANTAPAN
DAN
PEMURNIAN
SILIBUS
PENGAJARAN
DIPLOMA
PENGURUSAN
MAKLUMAT
(CDIM110)
DI UITM
MACHANG,
KELANTAN

diberikan oleh Dr. Nor Erlissa Abd Aziz selaku ketua penyelaras bengkel tersebut. Setelah taklimat selesai, kami diberikan kumpulan mengikut bidang kepakaran bersama-sama wakil pensyarah dari kampus cawangan yang lain. Pn Norlida Ismailly dan Dr. Hajah Imilia Ibrahim (Sains Perpustakaan), Dr. Mohd Rafiz Salji dan Pn. Sabariah Abdul Samad (Sistem Maklumat) dan Suhaida Halamy (Pengurusan Rekod). Perbincangan awal dimulakan bagi mengenal pasti maklumat-maklumat yang perlu dikemas kini bagi kod-kod baharu dan lama. Keterangan daripada Resource Person didengari dengan tekun agar perbincangan dapat dilaksanakan dengan teliti dan berkesan. Aktiviti secara 'hands on' menggunakan aplikasi AIMS juga ditunjukkan dan diteruskan sehingga tengahari. Seterusnya, selepas makan tengahari selesai, aktiviti bersambung sehingga jam 5 petang. Selesai sudah hari pertama yang sangat produktif dan informatif.

Sesi perbincangan dalam kumpulan



Hari kedua diteruskan dengan penuh bersemangat. Selepas bersarapan, para pensyarah yang hadir mengambil tempat masing-masing bagi meneruskan perbincangan bersama Resource Person (RP). Aktiviti yang dilakukan adalah memuktamadkan perbincangan hari pertama dan membuat konklusi daripada objektif bengkel iaitu memantapkan dan memurnikan pelan pengajian baharu bagi semester Mac 2023. Dr. Nor Erlissa Abd Aziz memberikan kesimpulan hasil perbincangan daripada setiap kumpulan. Beliau berharap hasil perbincangan dari bengkel ini dapat dikongsi dan dilaksanakan dengan jayanya bersama pensyarah-pensyarah lain di setiap kampus cawangan. Bengkel diakhiri dengan sesi bergambar dan minum petang. Para pensyarah beransur pulang ke destinasi masing-masing.

Enriching Experience: CDIM110'S TRAINING OF TRAINERS AT UITM KEDAH

Writer: *Nor Hayati Kassim*

The CDIM110 Training of Trainers program, organized by the School of Information Science at UiTM Campus Kedah on September 13th and 14th, 2023, was a remarkable event that brought together lecturers from various UiTM campuses, including Samarahan, Merbok, Segamat, Machang, and Rembau. The primary aim of this program was to deepen our understanding of six courses within the Diploma Information Management program, with the resource persons for these courses from UiTM Campus Kedah.



UiTM lecturers from 5 campuses participating in the Training of Trainers program at UiTM Kedah campus

I was one of the five lecturers from UiTM Campus Samarahan fortunate to participate in this program. Our group consisted of Favilla Haji Zaini (IMC111), Suriani Jack (IMC112), Nor Hayati Kassim (IMC113), Sharin Sulaiman (IMC151), and Abdul Ismail Haji Mohd Jawi (IMC258). Over the course of two days, we had the opportunity to delve deeper into the courses within the Diploma Pengurusan Maklumat program. Additionally, we engaged in meaningful discussions on effective assessment methodologies, particularly focusing on creating assessment rubrics to ensure equitable grading.

One of the highlights of the program was the chance to collaborate on improving existing course materials, which will be beneficial for the upcoming semester. Moreover, the program provided us with a platform to openly address common challenges and issues related to our subject matter. This collaborative problem-solving approach was both constructive and insightful.

The Training of Trainers program yielded several valuable outcomes. Firstly, we now share a common understanding of course objectives and assessment criteria, which will undoubtedly foster consistency in our teaching practices. Secondly, we identified areas

where we can enhance our course materials, making them more engaging and relevant for our students. Thirdly, the program equipped us with advanced pedagogical skills, particularly in designing effective assessments and rubrics. Lastly, it instilled in us a culture of collaboration, which we intend to carry forward through future collaborations and knowledge-sharing sessions. Looking ahead, we plan to apply the knowledge and insights gained from this program to enhance our teaching practices at UiTM Campus Samarahan. I am excited about the possibility of ongoing collaboration and knowledge sharing among lecturers from various UiTM campuses. This collective effort will undoubtedly contribute to raising the quality of education across UiTM.

In conclusion, the CDIM110 Training of Trainers program at the School of Information Science, UiTM Campus Kedah, was a truly enriching experience for lecturers from different UiTM campuses. It reflects UiTM's unwavering commitment to quality education and faculty development, fostering a culture of collaboration and knowledge sharing that will significantly elevate education standards within the UiTM network.

PENGLIBATAN

Pensyarah Pusat Pengajian Sains Maklumat

**DALAM
BENKEL PEMURNIAN
PENULISAN
DAN ULASAN BUKU
SAMBUTAN ULANG TAHUN
KE-50 TAHUN
UiTM CAWANGAN SARAWAK**

Penulis: Suriani Jack

Pada 7 Julai 2023, Pejabat Bahagian Jaringan Industri dan Penyelidikan, UiTM Cawangan Sarawak telah mengadakan bengkel penulisan dan ulasan buku sempena sambutan ulang tahun ke 50 tahun UiTM Cawangan Sarawak bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan. Bengkel ini melibatkan seramai 14 orang peserta yang terdiri daripada saya sendiri selaku ketua projek, penulis dan editor daripada pelbagai latarbelakang akademik dan kepakaran masing-masing termasuklah penglibatan terus Encik Sharin Bin Sulaiman, Puan Zainon Haji Bibi dan Cik Nor Hayati Kassim. Setiap seorang pensyarah PPSM ini telah diberikan tugas dan tanggungjawab masing-masing mengikut bab yang terdapat dalam buku tersebut. Dengan kepakaran dan pengalaman yang ada dalam bidang sains pengurusan maklumat, maka penghasilan buku ini semestinya mampu memuatkan maklumat yang berkualiti untuk rujukan generasi warga UiTM Cawangan Sarawak pada masa hadapan.

Bengkel yang diadakan selama sehari ini diadakan bertujuan untuk memastikan draf buku dapat disiapkan dalam tempoh masa yang diberikan sebelum buku ini disemak dan diulas selanjutnya oleh Yang Berbahagia Prof Dato Dr Haji Jamil bin Haji Hamali, Rektor UiTM Cawangan Sarawak sekembalinya



Para pensyarah UiTM cawangan Samarahan yang terlibat dalam penulisan buku sambutan ulang tahun ke 50 UiTM cawangan Sarawak



Aktiviti pemurnian penulisan dan ulasan buku sambutan ulang tahun ke 50 UiTM Cawangan Sarawak

beliau dari fardhu Haji pada bulan Julai 2023 ini sebelum dikemaskini lagi untuk proses yang seterusnya. Meskipun terdapat beberapa cabaran yang dihadapi, namun hal ini mengajar khususnya pensyarah PPSM tentang proses penting dalam penghasilan buku dan kriteria yang perlu di titik berat untuk menerbitkan bahan bacaan yang berkualiti.

Buku ini turut memuatkan perincian mendalam dari segi penceritaan tentang sejarah perkembangan UiTM Cawangan Sarawak seperti kerjasama strategik samada di dalam mahupun luar negara, perolehan geran, pengkomersialan produk, pencapaian, alumninya bermula dari tahun 1973 sehingga kini.

Bagi merealisasikan aspirasi penerbitan daripada deraf sehingga terhasilnya buku ini, satu majlis makan malam iaitu Homecoming Dinner akan diadakan sempena Sambutan Ulangtahun ke 50 tahun UiTM Cawangan Sarawak di mana pelancaran rasmi dan penjualan buku ini akan dibuat pada malam tersebut.

Hasil jualan buku ini kelak akan disalurkan kepada Tabung Seri Kenyalang bagi membantu para pelajar UiTM Cawangan Sarawak yang memerlukan terutamanya daripada golongan B40.

Bengkel PEMURNIAN DOKUMEN IQA01 KALI KEDUA IJAZAH SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEPUJIAN) PENGURUSAN REKOD (CDIM261)

Penulis: Sharin Sulaiman



Pensyarah Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik bersama Dr Nurussobah Binti Hussin, Koordinator Program Pengurusan Rekod, UiTM Selangor, Kampus Puncak Perdana dan barisan panel penilai UiTM Cawangan Sarawak.

Pusat Pengajian Sains Maklumat (PPSM), Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan 1 telah mengadakan satu bengkel pemurnian kali kedua untuk mengemaskini maklumat bagi dokumen IQA01 untuk program Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod (CDIM261) yang akan ditawarkan di UiTM Cawangan Sarawak. Bengkel ini melibatkan 13 orang pensyarah yang diketuai oleh Ts Dr Mohd Rafiz Bin Salji. Bengkel kali ini turut menjemput Koordinator Program CDIM261, UiTM Selangor, Kampus Puncak Perdana, Dr Nurussobah binti Hussin dan disertai oleh empat (4) orang panel penilai yang diketuai oleh Ts Dr Siti Nor Ain binti Seri Masran. Objektif bengkel ini adalah memastikan dokumen IQA01 mencapai kualiti yang diperlukan, mendapatkan nasihat dan maklumbalas secara bersemuka dari pihak auditor dalaman untuk memperbaiki kualiti dokumen IQA01, serta mendapatkan pencerahan maklumat terkini daripada Koordinator Program CDIM261, UiTM Selangor, Kampus Puncak Perdana.

Bengkel ini diadakan pada 31 Julai 2023 (Isnin) bermula pada pukul 8.30 pagi hingga 5.00 petang bertempat di Bilik Sarjana, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan 1. Sesi pagi bermula dengan ucapan aluan oleh wakil Ketua Pusat Pengajian Perakaunan dan Pengurusan Maklumat iaitu Puan Norlida Binti Ismailly. Antara ucapan yang diberikan adalah harapan beliau agar proses penyediaan dokumen dapat

dijalankan dan diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Selepas itu, bengkel diteruskan dengan taklimat dari Dr Nurussobah binti Hussin dan diikuti oleh ucapan daripada Ketua Panel Penilai, Ts Dr Siti Nor Ain binti Seri Masran. Setelah itu, bengkel diteruskan dengan setiap pensyarah melihat dan menyemak bukti dan maklumat mengikut area masing-masing, memastikan setiap bukti rekod yang ada adalah terkini dan relevan dengan keperluan audit.

Sesi petang yang bermula pukul 2.00 petang bersambung dengan para pensyarah meneruskan kerja dengan mengemaskini area masing-masing terutama area 1, 2, dan 3 dalam dokumen IQA01 tersebut. Bengkel berakhir dengan pemberian cenderahati daripada PPSM, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Samarahan kepada Dr Nurussobah Binti Hussin. Diharapkan bengkel ini dapat melancarkan proses penyediaan dokumen diperlukan oleh MQA selain memastikan setiap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dapat disempurnakan mengikut kepada tempoh masa yang ditetapkan.



Koordinator Program Pengurusan Rekod sedang menerangkan maklumat terkini tentang semakan kurikulum bagi IM246

SCHOOL OF INFORMATION SCIENCE

COLLEGE OF COMPUTING, INFORMATICS AND MATHEMATICS



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

CDIM110

Diploma in
Information Management

CAREER PROSPECTS

- ✓ Assistant Information Officers
- ✓ Executive Assistant
- ✓ Assistant Administration Officers
- ✓ Assistant Document Officers
- ✓ Assistant Record Officers
- ✓ Assistant Medical Record Officers
- ✓ Assistant Librarians



MAR
&
OCT

INTAKE



DURATION



2^{1/2}
years

LOCATIONS



CORE COURSES

- Information Skills
- Information Management
- Information and Communication Technology Application
- Fundamentals of Management
- Study Skills
- Organization dan Access to Information
- Record Management
- Information Technology (IT) Application
- Computer System Operation
- Social Media Literacy
- Human Communication
- Reference and Bibliometric Services
- Records Center Management
- Programming for Information Professional
- Fundamentals of Entrepreneurship
- Metadata Development in Information Environment
- Cataloging
- Database for Business Information Professionals
- Electronic Recordkeeping
- Electronic Publishing
- Archives Administration
- Multimedia for Information Presentation
- Outreach Programs of Information Agencies
- Web Content Management and Design

MORE INFO

<https://kppim.uitm.edu.my>



Writer: Nurul Huda Izzati Jamil

ONE WEEK ONE STORY

SOCIAL MEDIA AWARENESS

Talk

“ Social Media is completely safe? Think again ”

Last June, I have the opportunity to present a Social Media Talk entitled “Social Media is COMPLETELY safe? THINK AGAIN!” to level 2 primary school students (standard 5 and 6) of SK Saint James, Quop. This talk was arranged under the main Program #KNOWLEDGE4U” for subject code HPD133 and was organized by Kokurikulum Khidmat Masyarakat 1 (Community Service 1), UiTM Sarawak. Their lecturer for the subject was Miss Nor Hayati Kassim. The program was held on 9th June 2023, Friday afternoon, at Dewan Serbaguna Bai Mandai Kampung Quop.

The program was attended by teachers and Level 2 primary students of SK Saint James. Program was officiated and started at 2 pm followed by interesting activities for the students. The program activities were carried out until 3.30 pm, followed by afternoon tea around 3.30 pm. The social media talk was from 3.30 pm to around 4.15 pm, followed by a Q&A session with interesting gifts. The outline of the talk consists of 3 main parts which are : first part highlights about definition, related statistics and perks of social media, second part briefed about latest trends in social media such as (FOMO, oversharing tendency, and dangers of social media) and the last part elaborates more on the importance of netiquette (ethical use or social code of conduct in online environment).

The objectives of the talk or sharing session are to highlight the importance of using social media in ethical ways and being aware of the many dangers and risks that exist in the virtual world. On the other hand, the talk also aimed to raise awareness among the students about the potential dangers of social media and how to stay safe while using it. Even though the students were only level 2 primary school students, their level of participation was quite encouraging, and they were very lively and creative with their answers during the Q&A session. Some students even wanted to try several times for the sake of winning gifts, but I tried to be fair and give everyone a fair chance to win gifts. I felt a bit regretful for not bringing more gifts because they were very bubbly during the Q and A session for the talk.

Overall the sharing session on social media awareness was an important topic for the students, as social media has become an integral part of their lives. The program was well-organized, and the students' participation was commendable. Furthermore, it was a session to remember, and I am looking forward to having more such opportunities in the future.



The speaker and one of the attendees

ONE WEEK ONE STORY

PENYERTAAN

PELAJAR PUSAT PENGAJIAN SAINS MAKLUMAT, UITM CAWANGAN SARAWAK SEPANJANG PROGRAM

Kembara Ilmu

ANJURAN

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA DAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Penulis: Dr Hajah Imilia Ibrahim



KENALI PERANAN AGENSI MAKLUMAT MELALUI PROGRAM KEMBARA ILMU

Pada 20 Mei 2023, Kementerian Perpaduan Negara dan Perpustakaan Negara Malaysia telah menganjurkan satu program Kembara Ilmu bertempat di Go Down Amphitheatre, Dataran Tebingan Sungai Sarawak, Muzium Budaya Borneo dan Muzium Sarawak. Untuk menyahut saranan pihak Kerajaan, Pusat Pengajian Sains Maklumat, UiTM Cawangan Sarawak telah menghantar seramai 10 orang pelajar Diploma Pengurusan Maklumat dari semester 2 dan 4 untuk menyertai program ini. Program ini telah dirasmikan melalui sesi Flag Off oleh Yang Berhormat Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara. Antara tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada para pelajar terutama dari Pusat Pengajian Sains Maklumat untuk mengenali dan mempelajari lebih dekat peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh agensi maklumat yang terdapat di sekitar Bandaraya Kuching demi menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan generasi masa kini.

SESI PERKONGSIAN BANTU PELAJAR DALAM BIDANG PENGURUSAN MAKLUMAT

Di samping itu, program ini turut membuka peluang kepada para pelajar untuk mempelajari ilmu yang tidak akan diperolehi hanya dengan menghadiri kuliah semata – mata selain memberi mereka peluang untuk mempraktikkan ilmu dan kemahiran yang dipelajari di bilik kuliah melalui program ini. Para pelajar turut memperolehi pelbagai maklumat berguna melalui sesi perkongsian daripada penganjur program Kembara Ilmu ini untuk pengembangan minat dan kerjaya mereka.

Rata – rata para pelajar semester 2 dan 4 yang menyertai program ini menunjukkan maklum balas yang positif, sambutan yang menggalakkan dan berharap agar program seperti ini dapat diadakan pada masa – masa yang akan datang dengan pengisian yang berbeza.

BERIKUT ADALAH OBJEKTIF UTAMA PROGRAM KEMBARA ILMU INI:



- Memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan koleksi pelbagai budaya yang ada di Muzium Budaya Borneo
- Memberi peluang kepada pelajar untuk mendekati agensi maklumat dengan lebih dekat.
- Memupuk semangat kerjasama antara pelajar dalam sesi dan aktiviti yang dimuatkan di dalam program ini.
- Mengenalpasti budaya bangsa di Sarawak dengan kaedah yang menarik.
- Meningkatkan keupayaan mengenalpasti maklumat dengan pantas dan berkesan
- Menarik minat pelajar terhadap penambahan ilmu pengetahuan dan amalan membaca.
- Mengasah bakat serta kemahiran komunikasi pelajar.

Berindok & Berkongsi kasih sayang bersama PERYATIM



Penulis: Abdul Ismail Haji Mohd Jawi

Program “Berindok dan berkongsi Kasih Sayang bersama PERYATIM” telah berlangsung pada 8 & 9 Julai 2023, bertempat di Kompleks Kebajikan Laila Taib (Peryatim Kuching). Program ini digerakkan oleh 35 orang pelajar semester akhir dibawah seliaan Encik Abdul Ismail Hj Mohd Jawi dan melibatkan penyertaan seramai 60 penghuni peryatim . Selain bagi memenuhi keperluan kerja kursus IMD314 (Extension Services) pelajar semester akhir Diploma Pengurusan Maklumat (IMI10), program ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan kepada penghuni rumah anak-anak yatim berkenaan pengurusan maklumat serta kepentingan pengurusan maklumat dalam pembelajaran.

Antara aktiviti utama yang telah dijalankan adalah menyusun atur semula perpustakaan dan bahan-bahan bacaan supaya lebih teratur, sistematik dan boleh digunakan oleh penghuni Peryatim. Aktiviti dalam kumpulan juga turut diatur sepanjang 2 hari program “Berindok & Berkasih Sayang Bersama Peryatim” ini berlangsung.

Hari pertama, 8 Julai 2023, acara dimulakan seawal jam 8.30 pagi dengan Perasmian Program Berindok & Berkasih Sayang bersama PERYATIM. Seterusnya pada jam 9.30 pagi hingga 12.50 tengah hari, beberapa aktiviti diadakan untuk meningkatkan kemahiran peserta dalam bidang Informasi & Digital (I&D). Aktiviti pertama yang dijalankan adalah sesi “Ice breaking” bagi membahagikan peserta kepada beberapa kumpulan. Aktiviti diteruskan dengan bengkel kemahiran “Word Editing” untuk memperkenalkan cara penggunaan Microsoft Word dan perisian suntingan lain secara “hands-on” .

Hari kedua pada 9 Julai 2023, acara Info Hunt Challenge dimulakan pada jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi. Program ini kemudiannya diakhiri dengan upacara perasmian perpustakaan, penyerahan penghargaan, sesi penyampaian hadiah, dan sesi bergambar untuk mengabadikan kenangan berharga. Program berakhir pada jam 1.30 petang.

Secara keseluruhannya, program “Berindok & Berkongsi Kasih Sayang Bersama Peryatim” telah mencapai objektif dan matlamat seperti yang dirancang. Dengan tamatnya program ini, kesan positif yang dihasilkan adalah jauh lebih besar daripada sekadar kehadiran fizikal. Ia membuktikan bahawa melalui usaha bersama, perbezaan dapat diatasi dan kebahagiaan dapat dihulurkan kepada mereka yang memerlukan. Semoga program seperti ini terus diadakan untuk memupuk semangat kerjasama dan kasih sayang dalam kalangan pelajar, serta mewujudkan impak positif yang berkekalan dalam komuniti setempat.



Penulis: Sharin Sulaiman

Friend of Archive (FOA): "Archives United" Sambutan Minggu Arkib Sedunia 2023



Pelajar diberi taklimat oleh Puan Dorothy Dela Anak Lawrence tentang proses deskripsi bahan rekod

Penulis: Sharin Sulaiman

Seramai 20 orang pelajar Diploma Pengurusan Maklumat dari Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Sarawak telah menyertai program Friend of Archive (FOA) bersempena Minggu Arkib Sedunia yang bertemakan Archives United yang diadakan oleh Repositori Rekod Negeri Sarawak, Pustaka Negeri Sarawak, Kuching dari 26 hingga 27 Jun 2023. Program ini turut disokong oleh barisan pensyarah fakulti yang mana telah meluangkan masa untuk menyertai program bersama pelajar. Puan Norlida Ismailly, Dr Hajah Imilia Binti Ibrahim, Puan Sabariah Abd Samad, Ts Abdul Ismail Bin Mohd Jawi dan En. Sharin Bin Sulaiman merupakan wakil pensyarah yang hadir dan menyertai program FoA tersebut.

MENINGKATKAN KEFAHAMAN MENGENAI PERANAN SEKTOR PERKHIDMATAN REPOSITORI DALAM PENGURUSAN REKOD

